



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

SABTU
13 September 2025



BH Sabtu, 13 September 2025

Komentar

11

RUU Pekerja Gig sinar baharu buat 1.2 juta anak muda cari rezeki



Wartawan BH

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Cuaca tidak menentu kebelakangan ini sering membuat penulis serba salah setiap kali membuat pesanan secara dalam talian. Bukan bimbang makanan terlewat sampai, tetapi memikirkan penghantar mungkin berdepan dilema, sama ada mahu meredah hujan atau menunggu cuaca reda.

Bukan sekali dua penghantar berbaju hujan, namun tetap kuyup mengetuk pintu rumah menghantar pesanan, kerap memohon maaf kerana terlambat, bimbang kalau diberi *rating* rendah sedangkan hakikatnya, pengguna memahami kesukaran dialami.

Hujan atau panas, dipuji atau dimarahi pelanggan adalah rencana perlu dihadapi demi kelangsungan hidup, namun anak muda penghantar makanan akur ada kalanya harga nyawa bagai digada di celah kesibukan mengejar *trip*.

Era pasca-COVID-19 banyak mengubah landskap pekerjaan, termasuk lonjakan pembabitan ramai anak muda dalam sektor ekonomi gig.

Industri gig bukan sahaja membabitkan pekerja *hailing* dan *e-hailing*, tetapi turut merangkumi pekerja tanpa ikatan atau *freelancer* digital dan pelbagai perkhidmatan dalam talian menyumbang secara signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Berdasarkan statistik 2023, Malaysia mencatat purata 18 kematian sehari pada tahun itu akibat kemalangan, dengan 12 daripadanya membabitkan motosikal.

Selepas mengadakan sesi libat urus dengan sebahagian besar kalau pun tidak semua pihak berkepentingan, Malaysia mencatat sejarah tersendiri tatkala Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Pekerja Gig 2025 dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Ogos lalu.

Perjalanan mengubal undang-undang bermakna bagi pekerja gig itu tidak mudah. Terlalu banyak keringat dan air mata mengiringi perjuangan, baik dalam kalangan pekerja gig mahu pun penggerak di pihak kerajaan dan kerajaan untuk sampai ke peringkat itu.

Pekerja yang bakal menerima manfaat undang-undang itu bukan sedikit. Nasib kira-kira 1.2

“Era pasca COVID-19 banyak mengubah landskap pekerjaan, termasuk lonjakan pembabitan ramai anak muda dalam sektor ekonomi gig”

juta pekerja gig di negara ini bakal berubah ke tahap lebih baik apabila mereka mempunyai hak merundingkan gaji dan syarat kerja.

Empat aspek utama di bawah RUU itu berpancukan permasalahan membayangi sektor berkenaan, iaitu definisi pekerja gig, majlis tiga hala untuk menetapkan isu seperti pendapatan, mekanisme penyelesaian pertikaian dan perlindungan keselamatan sosial.

Indungi kepentingan pekerja gig
Kelulusan bersejarah di Parlimen itu menjadikan Malaysia sebagai negara ke-16 yang mempunyai undang-undang khas melindungi kepentingan pekerja sektor gig.

Perjuangan ini tidak seharusnya digariskan dengan batas politik atau perbezaan fahaman pemimpin pilihan. Ia bukan soal siapa memihak kerajaan, dan siapa yang lebih cenderung membangkang. Akta ini bakal menjamin makanan di meja dan bumbung melitupi kepala.

Kejayaan itu turut disambut dengan helaian nafas lega pelbagai pihak berkepentingan antaranya Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Gabungan *e-Hailing* Malaysia dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Usaha membantu pekerja gig di negara ini bukan perjuangan solo, sebaliknya digerakkan oleh Kerajaan MADANI merentasi kementerian dan parti politik, malah Kementerian Sumber Manusia tidak pernah bersendirian.

Menoleh sejenak ke 2023, Presiden UMNO, Datuk

Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menerima memorandum daripada pekerja gig yang menggesa Suruhannya Ekonomi Gig Malaysia (SEGIM) ditubuhkan segera bagi membela nasib mereka.

Ketika itu, Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri, berjanji untuk terus memperjuangkan kebajikan dan hak pekerja sektor ekonomi gig di seluruh negara.

Dua tahun berlalu, kejayaan Kerajaan MADANI ditunjangi Kementerian Sumber Manusia dalam menggubal RUU Pekerja Gig itu turut mendapat perhatian rakan parti lain dalam Kerajaan MADANI khususnya UMNO.

Penggubalan RUU Pekerja Gig dengan SEGIM adalah dua cabang berbeza, malah Sim turut menegaskan RUU terbahit adalah perlindungan perburuan pekerja gig.

Kerajaan turut memutuskan supaya Ahmad Zahid memimpin penubuhan SEGIM dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah itu menyatakan iltizamnya dalam merealisasikan segala yang dirancang.

SEGIM bakal berperanan mengawal selia, menyelaras dan memantau perkembangan sektor gig secara menyeluruh di negara ini, sekali gus memenuhi harapan serta aspirasi golongan sasaran demi masa depan yang lebih terjamin.

Dalam memastikan undang-undang membabitkan pekerja gig benar-benar menjadi juara golongan sasaran, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan kerajaan untuk melancarkan pelaksanaannya.

Antaranya menubuhkan unit penguatkuasaan khas bagi menjalankan audit, pemeriksaan rawak dan menerima aduan berkaitan hak pekerja gig, selain saluran aduan mesra pengguna dan tribunal khas dalam meleraikan apa juga pertikaian yang mungkin berbangkit antara pekerja gig dan platform.

Dalam meningkatkan kepatuhan platform, kerajaan boleh memberi insentif cukai atau subsidi kepada syarikat yang mematuhi undang-undang perlindungan pekerja gig.

Bagi jangka panjang pula, pembentukan jawatankuasa pemantauan boleh dilakukan untuk menilai keberkesanan undang-undang setiap satu atau dua tahun.

Harapan untuk pekerja gig khususnya anak muda, perjuangan kerajaan ini diharap memberi sinar baharu kepada mereka untuk terus mengerah kudrat mencari rezeki.



PTPK nafi dakwaan pembiayaan, elaun sara hidup pelajar dihentikan

SHAH ALAM – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menafikan dakwaan bahawa pembiayaan pinjaman pelajaran dan elaun sara hidup bulanan kepada pelajar telah dihentikan.

PTPK dalam kenyataan memaklumkan, tuduhan dibuat sebuah gabungan pusat latihan swasta itu tidak berasas kerana semua pelajar diluluskan pinjaman masih menerima pembiayaan dan elaun seperti biasa.

"Sehingga Ogos 2025, PTPK telah meluluskan pinjaman berjumlah RM524 juta membabitkan 52,098 pelajar dan 306 pusat latihan.

"Bagi 2025, seramai 21,947 pelajar diluluskan pinjaman mereka.

"Semua pelajar diluluskan pinjaman masih terus menerima pembiayaan dan

elaun sara hidup seperti biasa, malah elaun sara hidup juga telah dinaikkan daripada RM400 kepada RM800 bagi setiap pelajar," katanya pada Jumaat.

Pada Selasa, media melaporkan Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC) yang mewakili lebih 350 pusat latihan kemahiran swasta di seluruh negara melahirkan kebimbangan serius berhubung isu kekangan dana pinjaman PTPK semakin meruncing serta memberi kesan besar kepada pelajar khususnya daripada keluarga B40.

Menurut Exco FeMAC, Tengku Ahmad Mujahid Tengku Mahmud, sejak dua tahun kebelakangan ini, PTPK telah beberapa kali menghentikan pembiayaan pinjaman pelajaran serta elaun sara hidup bulanan, menyebabkan ribuan pelajar di seluruh

negara terjejas.

PTPK menjelaskan, pihak mereka sentiasa beriltizam untuk memastikan anak muda Malaysia mendapat akses kepada latihan kemahiran relevan, inklusif dan selari dengan keperluan pasaran kerja semasa.

Justeru, kongsinya, PTPK telah meluluskan pinjaman keseluruhan berjumlah RM4.76 bilion yang memberi manfaat kepada 306,600 peminjam di seluruh negara sejak penubuhannya pada 2001.

Menurut kenyataan itu lagi, pengagih-an dana pada masa depan akan memberi keutamaan kepada program berimpak tinggi, rekod bayaran balik pinjaman, pematuhan syarat permohonan termasuk rayuan serta penempatan pekerjaan selepas tamat latihan.